DRAF

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

## KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

# PENDIDIKAN ISLAM

## TAHUN EMPAT

2013

DOKUMEN STANDARD

# KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH (KSSR)

# PENDIDIKAN ISLAM

## TAHUN EMPAT

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM

Cetakan Pertama 2013
© Kementerian Pelajaran Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

# KANDUNGAN


| Tajuk | Muka surat |
|---|---|
| 1. Kandungan | iii |
| 2. Rukun Negara | v |
| 3. Falsafah Pendidikan Kebangsaan | vi |
| 4. Falsafah Pendidikan Islam | vii |
| 5. Pendahuluan | 1 |
| 6. Matlamat | 2 |
| 7. Objektif | 2 |
| 8. Fokus Mata Pelajaran | 3 |
| 9. Organisasi Kandungan | 3 |
| 10. Status | 4 |
| 11. Peruntukan Waktu | 5 |
| 12. Strategi Pembelajaran dan Pengajaran | 5 |
| 13. Kreativiti Guru dalam Pembelajaran dan Pengajaran | 7 |
| 14. Penilaian dan Pentaksiran | 7 |
| 15. Kurikulum Standard Pendidikan Islam Tahun Dua | 8 |

# RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita untuk mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil bagi kemakmuran negara yang akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

- KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
- KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
- KELUHURAN PERLEMBAGAAN
- KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
- KESOPANAN DAN KESUSILAAN

# Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

# Falsafah Pendidikan Islam

Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على سيدنا محمد

وعلى آله وصحبه أجمعين

## PENDAHULUAN

Kurikulum Standard Pendidikan Islam Sekolah Rendah dibina bagi memenuhi keperluan pendidikan Islam secara menyeluruh dan bersepadu selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam. Pendidikan Islam sekolah rendah memberikan penekanan kepada ilmu, nilai dan kemahiran asas syariah yang perlu dikuasai oleh setiap murid Islam.

Kurikulum ini merangkumi tujuh modul iaitu al-Quran, Hadis, Akidah, Ibadah, Sirah, Adab, dan Jawi. Proses pembelajaran dan pengajaran hendaklah diolah dan disampaikan dengan berkesan melalui pelbagai kaedah dan teknik yang lebih menarik dan sentiasa dikaitkan dengan pelbagai aspek ilmu dan amalan yang dapat diaplikasikan dalam kehidupan. Elemen merentas kurikulum juga diterapkan bagi melahirkan generasi yang mampu mendepani cabaran abad 21. Penilaian dan pentaksiran yang bersifat holistik dan autentik juga dijalankan secara berterusan bagi memastikan keberkesanan pembelajaran dan pengajaran.

Kurikulum Standard Pendidikan Islam Sekolah Rendah diharapkan mampu membentuk murid-murid yang berilmu, beriman, berakhlak mulia, berketerampilan, bertanggungjawab, beramal soleh, dan bertakwa. Ia juga berupaya membentuk modal insan yang bercita-cita tinggi, berdaya tahan, bersemangat juang, gigih berusaha dan mampu mengubah diri untuk menyumbang kepada tamadun bangsa dan negara.

## MATLAMAT

Matlamat Pendidikan Islam sekolah rendah adalah untuk melahirkan Muslim yang berilmu, beriman, berketrampilan, beramal soleh dan berakhlak mulia berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah supaya menjadi hamba dan khalifah Allah yang bertakwa serta menyumbang ke arah mempertingkatkan tamadun bangsa dan negara serta berjaya di dunia dan di akhirat.

## OBJEKTIF

Murid yang mengikuti proses pembelajaran dan pengajaran melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Islam berkebolehan:

i. Membaca surah-surah terpilih daripada al-Quran dengan betul dan bertajwid serta mengamalkan pembacaannya dalam kehidupan seharian;

ii. Menghafaz surah-surah terpilih daripada al-Quran untuk bacaan dalam solat dan ibadat harian;

iii. Memahami maksud beberapa surah terpilih untuk diamalkan dan dihayati pengajarannya;

iv. Membaca dan memahami hadis-hadis terpilih untuk diamalkan dan dihayati pengajarannya;

v. Memahami dan meyakini asas-asas akidah sebagai pegangan dan benteng dalam kehidupan beragama;

vi. Memahami dan mengamalkan asas ibadat sebagai memenuhi tuntutan fardu ain dan fardu kifayah;

vii. Memahami dan mengambil iktibar daripada sirah Rasulullah s.a.w. bagi menanam rasa kecintaan kepada baginda;

viii. Memahami, mengamalkan dan menghayati nilai-nilai akhlak dalam kehidupan seharian; dan

ix. Membaca dan menulis jawi serta mencintainya sebagai warisan budaya bangsa.

## FOKUS MATA PELAJARAN

Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Islam tahap satu memberikan penekanan kepada kemahiran membaca dan menghafaz al-Quran, pemantapan asas-asas akidah, ibadah dan adab serta menjadikan sirah Rasulullah s.a.w. sebagai iktibar dalam kehidupan.

Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Islam tahap dua memberikan penekanan yang lebih mendalam kepada kemahiran membaca dan menghafaz al-Quran, membaca dan memahami pengajaran hadis, pemantapan akidah, ibadah dan adab serta menjadikan sirah Rasulullah s.a.w. sebagai iktibar dalam kehidupan.

Pada akhir pembelajaran dan pengajaran Pendidikan Islam sekolah rendah, murid mampu memahami tuntutan Fardu Ain dan Fardu Kifayah serta menghayati dan mengamalkannya dalam kehidupan.

## ORGANISASI KANDUNGAN

Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Islam dibangunkan dengan memberikan penekanan kepada standard kandungan dan standard pembelajaran yang perlu diketahui serta boleh dilakukan oleh murid. Standard Kandungan Pendidikan Islam sekolah rendah dibahagikan kepada tujuh modul iaitu:

### Modul al-Quran

Modul ini memberikan penekanan kepada kemahiran membaca al-Quran dengan betul, fasih dan bertajwid serta menghafaz dan memahami surah-surah pilihan dengan menghayati dan mengamalkan pengajarannya dalam kehidupan.

### Modul Hadis

Modul ini memberikan penekanan kepada kemahiran membaca hadis, memahami pengertian dan huraian hadis secara umum serta menghayati dan mengamalkan pengajarannya dalam kehidupan.

**Modul Akidah**
Modul ini memberikan penekanan kepada kemahiran memahami dan menghayati konsep akidah serta mengaplikasikannya dalam kehidupan.

**Modul Ibadah**
Modul ini memberi penekanan kepada kemahiran memahami, menghayati dan mengamalkan konsep ibadah dalam kehidupan.

**Modul Sirah**
Modul ini memberikan penekanan kepada pemahaman sirah Rasulullah s.a.w. dan mengambil iktibar serta meneladaninya dalam kehidupan.

**Modul Adab**
Modul ini memberikan penekanan kepada memahami, menghayati, mengamalkan tatacara dan hubungan manusia dengan Allah, sesama manusia dan alam sekitar.

**Modul Jawi**
Modul ini memberikan penekanan kepada kemahiran membaca dan menulis jawi serta asas seni khat.

## STATUS

Mata pelajaran Pendidikan Islam ialah mata pelajaran teras kepada murid Islam yang wajib diajarkan di institusi pendidikan yang mempunyai sekurang-kurangnya 5 orang murid Islam.

## PERUNTUKAN WAKTU

Peruntukan waktu Pendidikan Islam ialah sebanyak 6 waktu di sekolah kebangsaan, 4 waktu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil.

Peruntukan masa bagi mata pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan ialah 180 minit seminggu yang boleh dibahagikan kepada 6 waktu dengan 30 minit setiap waktu, manakala Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil ialah sebanyak 120 minit seminggu yang boleh dibahagikan kepada 4 waktu dengan 30 minit setiap waktu.

## STRATEGI PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN

Transformasi kurikulum menegaskan penggunaan pelbagai strategi pembelajaran dan pengajaran yang memberikan penekanan kepada pembelajaran secara *"hands-on learning"*. Dalam konteks Pendidikan Islam, pembelajaran dan pengajaran memberikan penekanan kepada kesepaduan ilmu dan amali. Strategi pembelajaran dan pengajaran yang dirancang merangkumi pendekatan, kaedah dan teknik bagi mencapai standard pembelajaran.

Pendekatan dimaksudkan sebagai arah atau hala yang diambil untuk menuju sesuatu sasaran. Pendekatan pengajaran merupakan haluan atau aspek yang digunakan berasaskan teori-teori, model-model atau generalisasi yang tertentu untuk memulakan proses pengajaran sesuatu isi pelajaran atau kemahiran. Antara pendekatan yang dicadangkan dalam Pendidikan Islam adalah seperti berikut:

1. Pendekatan Induktif dan Deduktif
2. Pendekatan Berpusatkan Guru
3. Pendekatan Berpusatkan Murid
4. Pembelajaran Konstruktivisme
5. Pembelajaran Kontekstual
6. Pembelajaran Masteri
7. Pembelajaran Akses Kendiri
8. Pembelajaran Pengaturan Kendiri
9. Kajian Masa Depan
10. Teori Kecerdasan Pelbagai

Kaedah pengajaran merupakan beberapa langkah atau kegiatan yang mempunyai urutan tertentu dan sistematik bertujuan untuk mencapai objektif pembelajaran dalam jangka masa pendek. Kaedah pengajaran menterjemahkan pendekatan pengajaran yang dipilih oleh guru dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Antara kaedah pengajaran yang dicadangkan adalah seperti:

1. Talaqqi Musyafahah
2. Bercerita
3. Latih Tubi
4. Main Peranan
5. Perbincangan
6. Permainan
7. Penyelesaian Masalah
8. Tasmik
9. Kuiz
10. Lakonan
11. Soal Jawab
12. Projek
13. Sumbangsaran
14. Lawatan

Bagi memastikan sesuatu pembelajaran dan pengajaran berjaya dan mencapai objektif, guru perlu memahami standard pembelajaran yang hendak dicapai. Kemahiran guru mengaplikasikan pendekatan, kaedah dan teknik dalam proses pembelajaran dan pengajaran Pendidikan Islam akan membantu guru mencapai standard pembelajaran yang ditetapkan. Guru juga perlu merancang dan melaksanakan pentaksiran bagi mengesan standard pembelajaran telah dicapai.

## KREATIVITI GURU DALAM PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN

Daya kreativiti dan inovatif murid perlu dibangunkan ke tahap optimum supaya murid mampu menyumbang ke arah pembangunan agama, masyarakat, bangsa dan negara. Guru yang kreatif dan inovatif dalam proses pembelajaran dan pengajaran akan merangsang dan memotivasikan murid untuk meneroka bidang ilmu yang baharu, menjana idea untuk menghasilkan tugasan dengan lebih kreatif, menilai kualiti hasil kerja dan mengerah pemikiran bercapah seterusnya menyerlahkan personaliti individu yang kreatif.

Kreativiti dalam pembelajaran dan pengajaran Pendidikan Islam akan merangsang murid untuk membuat kajian dan penyelidikan, penyelesaian masalah dalam kehidupan dan penghasilan pelbagai bahan dengan mengaplikasi pengetahuan, pemahaman dan kemahiran. Kreativiti ini juga akan dapat menjana idea murid dalam mengaitkan ilmu Islam dengan ilmu sains, teknologi dan kemanusiaan.

## PENILAIAN DAN PENTAKSIRAN

Pelbagai kaedah pentaksiran digunakan untuk membolehkan penilaian yang lebih autentik dan holistik. Pentaksiran formatif dijalankan secara berterusan semasa pembelajaran dan pengajaran untuk mengesan perkembangan dan pencapaian murid dalam pembelajaran. Kelemahan murid yang dikenal pasti perlu diatasi melalui aktiviti pemulihan dan kekuatan murid perlu ditingkatkan melalui aktiviti pengayaan. Di samping itu pentaksiran sumatif dilaksanakan untuk menentukan tahap penguasaan dan pencapaian murid.

## PENUTUP

Kandungan kurikulum ini digubal untuk memenuhi keperluan setiap Muslim dari segi fardhu ain dan fardhu kifayah bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat, bersesuaian dengan peringkat dan keupayaan murid sekolah rendah.

# كوريكولوم ستندرد ڤنديديقن إسلام

## تاهون امڤت

| ستندرد كاندوڠن | ستندرد ڤمبلاجرن |
|---|---|
| 1. القرءان<br>1.1 باچاءن دان حفظن<br>1.1.1 ممباچ، مڠحفظ سرتا مڠعملكن سورة القارعة، سورة العاديات دان سورة الزلزلة | 1.1.1.1 ممباچ دان مڠحفظ سورة القارعة دڠن بتول دان برتجويد<br>1.1.1.2 ممباچ دان مڠحفظ سورة العاديات دڠن بتول دان برتجويد<br>1.1.1.3 ممباچ دان مڠحفظ سورة الزلزلة دڠن بتول دان برتجويد<br>1.1.1.4 مڠعملكن سورة القارعة، سورة العاديات دان سورة الزلزلة دالم صلاة سرتا كهيدوڤن هارين |
| 1.2 كفهمن<br>1.2.1 ممهمي دان مڠحياتي سجاره ڤنورونن القرءان | 1.2.1.1 منجلسكن ڤريڠكت ڤنورونن القرءان<br>1.2.1.2 مپاتاكن تيمڤوه ڤنورونن القرءان<br>1.2.1.3 مپاتاكن بيلڠن سورة دان جزء<br>1.2.1.4 مپاتاكن اية دان سورة ڤرتام دتورونكن<br>1.2.1.5 منجاديكن ڤمباچاءن القرءان سباݢاي عملن هارين |
| 1.2.2 ممهمي، مڠعمل دان مڠحياتي سورة الفلق | 1.2.2.1 مپاتاكن ڤڠنلن سورة الفلق<br>1.2.2.2 مپاتاكن ارتي اية٢ درڤد سورة الفلق<br>1.2.2.3 منرڠكن ڤڠاجرن يڠ ترداڤت دالم سورة الفلق |

| ستندرد قمبلاجرن | ستندرد كاندوغن |
|---|---|
| 1.2.2.4 مغعمل‌كن دان مغحياتي ڤغاجرن يغ ترداڤت دالم سورة الفلق | |
| 1.2.3.1 مڽاتاكن ڤغنلن سورة **الإخلاص**<br>1.2.3.2 مڽاتاكن ارتي اية٢ درڤد سورة **الإخلاص**<br>1.2.3.3 منرغكن ڤغاجرن يغ ترداڤت دالم سورة **الإخلاص**<br>1.2.3.4 مغعمل‌كن دان مغحياتي ڤغاجرن يغ ترداڤت دالم سورة **الإخلاص** | 1.2.3 ممهمي، مغعمل دان مغحياتي سورة **الإخلاص** |
| 1.3.1.1 ممباچ ڤوتوغن اية يغ مغاندوغي حكوم مد لين دغن بتول<br>1.3.1.2 ممباچ ڤوتوغن اية يغ مغاندوغي حكوم مد **عارض للسكون** دغن بتول<br>1.3.1.3 ممباچ ڤوتوغن اية يغ مغاندوغي حكوم مد واجب متصل دغن بتول<br>1.3.1.4 ممباچ ڤوتوغن اية يغ مغاندوغي حكوم مد **جائز منفصل** دغن بتول<br>1.3.1.5 ممباچ ڤوتوغن اية يغ مغاندوغي حكوم مد صلة طويلة دغن بتول<br>1.3.1.6 ممباچ ڤوتوغن اية يغ مغاندوغي حكوم مد **فرق** دغن بتول | 1.3 تجويد :<br>1.3.1 ممباچ اية يغ مغاندوغي حكوم مد |
| 2.1.1 ممباچ **حديث** دغن بتول<br>2.1.2 مڽاتاكن ترجمهن **حديث**<br>2.1.3 مڽاتاكن كڤنتيغن ملقساناكن تونتوتن **حديث**<br>2.1.4 مڽاتاكن چارا ممولياكن تتامو<br>2.1.5 مڽاتاكن عاقبة تيدق ممولياكن تتامو | 2. **حديث**<br>2.1 ممباچ، ممهمي، مغعمل دان مغحياتي **حديث** مغحرمتي تتامو<br>قال رسول الله صلى الله عليه وسلم :<br>وَمَن كَانَ يؤمن باللهِ وَالْيومِ الآخرِ فَليكْرِم ضَيفَه<br>(رواه البخاري ومسلم) |

| ستندرد كاندوغن | ستندرد قمبلاجرن |
|---|---|
| سبدا رسول الله صلى الله عليه وسلم : "دان سسياڤا يڠ برايمان كڤد الله دان هاري **اخيرة** مک هندقله مموليياکن تتامو" | 2.1.6 مڠعمل دان مڠحياتي تونتوتن درڤد **حديث** |
| 3. عقيدة<br>3.1 ممهمي دان ميقيني کونسيڤ برايمان كڤد **قضاء** دان قدر | 3.1.1 مڤاتاکن ڤڠرتين **قضاء** دان قدر<br>3.1.2 مڤاتاکن مقصود برايمان كڤد **قضاء** دان قدر<br>3.1.3 مڤاتاکن دليل نقلي دان ارتيڽ<br>3.1.4 منرڠكن كسن برايمان كڤد **قضاء** دان قدر<br>3.1.5 منرڠكن عاقبة تيدق برايمان كڤد **قضاء** دان قدر<br>3.1.6 **مرضاء**ي کتنتوان الله دان صبر مڠهادڤي دوکائن |
| 3.2 ممهمي دان ميقيني **صيفت** الله :<br>الله بر**صيفت** وحدانية. | 3.2.1 مڤاتاکن ڤڠرتين وحدانية<br>3.2.2 مڤاتاکن مقصود ميقيني الله بر**صيفت** وحدانية<br>3.2.3 مڤاتاکن دليل نقلي دان ارتيڽ<br>3.2.4 منرڠكن كسن ميقيني الله بر**صيفت** وحدانية<br>3.2.5 منرڠكن عاقبة تيدق ميقيني الله بر**صيفت** وحدانية<br>3.2.6 منجاءوهي ڤرکارا٢ شيريک |
| 3.3 ممهمي دان ميقيني **صيفت** الله :<br>– الله **برصيفت قدرة** | 3.3.1 مڤاتاکن ڤڠرتين **قدرة**<br>3.3.2 مڤاتاکن مقصود ميقيني الله **برصيفت قدرة** |

| ستندرد كاندوڠن | ستندرد ڤمبلاجرن |
| --- | --- |
| | 3.3.3 مڤاتاكن دليل نقلي دان ارتيڽ<br>3.3.4 منرڠكن كسن ميقيني الله **برصيفت قدرة**<br>3.3.5 منرڠكن عاقبة تيدق ميقيني الله **برصيفت قدرة**<br>3.3.6 منيڠكلكن **صيفت** تكبور |
| 3.4 ممهمي دان ميقيني **نام**٢ الله :<br>- "السلام" | 3.4.1 3.4.1 مڤاتاكن ڤڠرتين "السلام"<br>3.4.2 مڤاتاكن مقصود ميقيني **نام** الله "السلام"<br>3.4.3 مڤاتاكن دليل نقلي دان ارتيڽ<br>3.4.4 منرڠكن كسن ميقيني **نام** الله "السلام"<br>3.4.5 منرڠكن عاقبة تيدق ميقيني **نام** الله "السلام"<br>3.4.6 مڠاقيني ستياڤ چيڤتاءن الله ممڤوڽاءي حكمهڽ. |
| 3.5 ممهمي دان ميقيني **نام**٢ الله :<br>- "الهادي" | 3.5.1 مڤاتاكن ڤڠرتين "الهادي" .<br>3.5.2 مڤاتاكن مقصود ميقيني **نام** الله "الهادي" .<br>3.5.3 مڤاتاكن دليل نقلي دان ارتيڽ<br>3.5.4 منرڠكن اوسها يڠ بوليه دلاكوكن اونتوق منداڤتكن هداية الله<br>3.5.5 منرڠكن كلبيهن اورڠ يڠ منداڤت هداية الله<br>3.5.6 منرڠكن عاقبة اورڠ يڠ تيدق منداڤت هداية الله<br>3.5.7 سنتياس مموهون **توفيق** دان هداية درڤد الله |

| ستندرد كاندوغن | ستندرد ڤمبلاجرن |
|---|---|
| 3.6 ممهمي دان ميقيني ڤركارا سمعيات:<br>– ڤهالا<br>– دوسا | 3.6.1 مڽاتاكن ڤغرتين ڤهالا دان دوسا<br>3.6.2 مڽاتاكن شرط٢ اونتوق منداڤتكن ڤهالا<br>3.6.3 مڽاتاكن چارا٢ منجاءوهي درڤد ملاكوكن دوسا<br>3.6.4 مڽاتاكن فائيده اورڠ يڠ مغمبيل برت تنتڠ ڤهالا دان دوسا<br>3.6.5 برسڠضرا ملاكوكن كبائيقن دان منيڠضلكن ڤركارا٢ منكر |
| 4. عبادة<br>4.1 ممهمي دان مڠعملكن چارا برسوچي درڤد نجيس :<br>– **مخففة**<br>– متوسطة<br>– **مغلظة** | 4.1.1 منرڠكن ارتي نجيس<br>4.1.2 منجلسكن ڤغرتين نجيس **مخففة**، متوسطة دان **مغلظة**<br>4.1.3 منرڠكن چارا٢ برسوچي درڤد نجيس **مخففة**، متوسطة دان **مغلظة**<br>4.1.4 ملاكوكن چارا٢ برسوچي درڤد نجيس **مخففة**، متوسطة دان **مغلظة**<br>4.1.5 سنتياس منجاݢ كبرسيهن دالم كهيدوڤن سهارين |
| 4.2 ممهمي كونسيڤ مندي واجب | 4.2.1 مڽاتاكن ارتي مندي واجب<br>4.2.2 ممباچ دليل نقلي واجب مندي دان ارتيڽ<br>4.2.3 مڽنارايكن سبب٢ مندي واجب<br>4.2.4 مڽاتاكن روكون مندي واجب<br>4.2.5 تونجوق چارا ملاكوكن مندي واجب<br>4.2.6 مڽاتاكن ڤركارا يڠ دلارڠ كتيک **برحدث** بسر<br>4.2.7 ملقساناكن مندي واجب دڠن سمڤورنا |

| ستندرد كاندوڠن | ستندرد ڤمبلاجرن |
|---|---|
| 4.3 ممهمي دان مڠعملكن روكون صلاة :<br>– روكون قلبي<br>– روكون فعلي<br>– روكون قولي | 4.3.1 مڽاتاكن ارتي روكون صلاة<br>4.3.2 منرڠكن روكون صلاة<br>4.3.3 منرڠكن ڤمبهاڬين روكون صلاة<br>4.3.4 ملاكوكن روكون صلاة دڠن سمڤورنا<br>4.3.5 استقامة ملاكوكن صلاة **فرض** |
| 4.4 ممهمي دان مڠعملكن حد عورة | 4.4.1 مڽاتاكن ڤڠرتين عورة<br>4.4.2 مڽاتاكن دليل نقلي دان ارتين كواجيڤن منوتوڤ عورت<br>4.4.3 منرڠكن حد عورة<br>4.4.4 استقامة منجاڬ عورة |
| 5. سيره<br>5.1 ممهمي دان مڠمبيل اعتيبار درڤد ڤريستيوا ڤننتڠن ترهادڤ دعوه رسول **الله** ﷺ. | 5.1.1 مڽاتاكن بنتوق ڤننتڠن ترهادڤ دعوه رسول **الله** ﷺ<br>5.1.2 منجلسكن تيندقن رسول **الله** ﷺ ترهادڤ ڤننتڠن دعوهن<br>5.1.3 منجلسكن اعتيبار درڤد ڤريستيوا ڤننتڠن ترهادڤ دعوه رسول **الله** ﷺ<br>5.1.4 مڠهادڤي چابرن بردعوه دڠن تابه |
| 5.2 ممهمي دان مڠمبيل اعتيبار درڤد ڤريستيوا **اسراء** دان معراج | 5.2.1 مڽاتاكن ڤڠرتين **اسراء** دان معراج<br>5.2.2 ممباچ دليل نقلي **اسراء** دان معراج سرتا ارتين<br>5.2.3 منرڠكن ڤريستيوا سبلوم **اسراء** دان معراج<br>5.2.4 منرڠكن ڤريستيوا سماس **اسراء** دان معراج |

| ستندرد كاندوڠن | ستندرد ڤمبلاجرن |
|---|---|
| | 5.2.5 منجلسكن اعتيبار درڤد ڤريستيوا **اسراء** دان معراج<br>5.2.6 ميقيني ستياڤ ڤربواتن اكن دبري كنجرن دان بالسن |
| 5.3 ممهمي دان مغمبيل اعتيبار درڤد ڤريستيوا ڤرجنجين عقبة<br>– ڤرجنجين عقبة ڤرتام<br>– ڤرجنجين عقبة كدوا | 5.3.1 مپاتاكن سبب، **تاريخ** دان بيلڠن اورڠ يڠ ترليبت دالم ڤرجنجين عقبة ڤرتام<br>5.3.2 مپنارايكن ايسي ڤرجنجين عقبة ڤرتام<br>5.3.3 مپاتاكن سبب، **تاريخ** دان بيلڠن اورڠ يڠ ترليبت دالم ڤرجنجين عقبة كدوا<br>5.3.4 مپنارايكن ايسي ڤرجنجين عقبة كدوا<br>5.3.5 منجلسكن اعتيبار درڤد ڤريستيوا ڤرجنجين عقبة ڤرتام دان كدوا<br>5.3.6 برڤكيڠ ڤد جنجي يڠ ممباوا كڤد كبائيقن |
| 5.4 ممهمي دان مغمبيل اعتيبار درڤد ڤريستيوا هجره رسول الله ﷺ كمدينة. | 5.4.1 مپاتاكن ڤڠرتين هجره<br>5.4.2 مپاتاكن **تاريخ دان سبب٢** برلاكو هجره رسول الله ﷺ كمدينة<br>5.4.3 مپنارايكن ڤريستيوا سبلوم دان سماس هجره<br>5.4.4 منجلسكن اعتيبار درڤد ڤريستيوا هجره<br>5.4.5 مرانچڠ دڠن تليتي ستياڤ ڤكرجائن يڠ هندق دلاكوكن |
| 6. ادب<br>6.1 ممهمي دان مڠعملكن ادب بركائول دالم كلوارڬ | 6.1.1 مپاتاكن ڤڠرتين كلوارڬ<br>6.1.2 منجلسكن ادب بركائول دالم كلوارڬ<br>6.1.3 منرڠكن **فائيده** مڠعملكن ادب بركائول دالم كلوارڬ<br>6.1.4 منرڠكن عاقبة مڠابايكن ادب بركائول دالم كلوارڬ |

| ستندرد کاندوڠن | ستندرد ڤمبلاجرن |
|---|---|
| | 6.1.5 مڠعملكن ادب برکـﺌـول دالم کلوارݢ |
| 6.2 مماهمي دان مڠعملكن ادب برجيرن | 6.2.1 مڽاتاکن ارتي جيرن<br>6.2.2 منجلسكن ادب برجيرن<br>6.2.3 منرڠكن حكمة برادب دڠن جيرن<br>6.2.4 منرڠكن عاقبة مڠابايكن ادب برجيرن<br>6.2.5 مڠعملكن ادب برجيرن |
| 6.3 مماهمي دان مڠعملكن ادب دمسجد دان دسوراو | 6.3.1 منجلسكن ادب دمسجد دان دسوراو<br>6.3.2 منرڠكن فائيده مڠعملكن ادب دمسجد دان دسوراو<br>6.3.3 منرڠكن عاقبة مڠابايكن ادب دمسجد دان دسوراو<br>6.3.4 ممباچ دان مڠحفظ **دعاء** ماسوق دان کلوار مسجد<br>6.3.5 مڠعملكن ادب دمسجد دان دسوراو |
| 6.4 مماهمي دان مڠعملكن ادب منائيقي کندرائن | 6.4.1 منجلسكن ادب منائيقي کندرائن<br>6.4.2 ممباچ دان مڠحفظ **دعاء** منائيقي کندرائن<br>6.4.3 مڽنارايكن ڤرکارا يڠ ڤرلو دأيلقكن سماس منائيقي کندرائن<br>6.4.4 منرڠكن **فائيده** مڠعملكن ادب منائيقي کندرائن<br>6.4.5 منرڠكن عاقبة مڠابايكن ادب منائيقي کندرائن<br>6.4.6 مڠعملكن ادب منائيقي کندرائن |

| ستندرد كاندوڠن | ستندرد ڤمبلاجرن |
|---|---|
| 7. جاوي<br>7.1 ممباچ، ممبينا دان منوليس ڤلباݢاي جنيس تيک س برداسرکن تيما. | 7.1.1 ممباچ، ممبينا دان منوليس ڤلباݢاي جنيس تيک س برداسرکن تيما دڠن بتول.<br>چونتوه تيما :<br>1. تيکنولوݢي ماي<br>2. بنچان عالم<br>3. ڤراياٴن<br>4. سوکن<br>5. ڤاکاين<br>6. حيوان |

Terbitan:

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
Aras 4-8, Blok E9
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
Tel: 03-8884 2000 Faks: 03-8888 9917
http://www.moe.gov.my/bpk